



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

35
Hari

15
Jam

24
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini

Februari 24, 2021 @ 7:34am



Petugas kesihatan melakukan persiapan akhir bagi pelaksanaan suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer BioNTech di Klinik Kesihatan Putrajaya. Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah serta empat petugas barisan hadapan akan menjadi kumpulan pertama menerima suntikan vaksin itu. FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Malaysia memulakan program vaksinasi percuma secara besar-besaran hari ini untuk memastikan penduduk negara ini, baik rakyat tempatan atau warga asing, dilindungi COVID-19 yang menjangkiti lebih 290,000 orang dan meragut lebih 1,000 nyawa.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan itu akan diterajui Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang bakal menjadi individu pertama di negara ini menerima suntikan satu daripada dua dos vaksin Pfizer-BioNTech, di Klinik Kesihatan Putrajaya, Presint 11 pada jam 3 petang.

Pemimpin di seluruh dunia mengetuai senarai penerima vaksin di negara masing-masing bagi mempamerkan kepimpinan melalui teladan, selain memberi keyakinan kepada rakyat mereka vaksin itu selamat digunakan.

Pemimpin negara tetangga, Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong dan Presiden Indonesia Joko Widodo, juga melakukan perkara sama.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Dos pertama vaksin kurangkan jangkitan COVID-19](#)
- [Pengeluar vaksin COVID-19 mesti penuhi janji bantu negara miskin](#)
- [Vaksin lalui proses penilaian sewaiannya](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 2m [Dua drama 19 juta penonton](#)
- 17m [Gempa bumi sederhana gegar utara Laut Maluku, Indonesia](#)
- 22m [Iran didakwa berbohong kes tembakan pesawat Ukraine](#)
- 23m [Tiger Woods kemalangan kereta](#)
- 49m [Sepakan akrobatik Giroud benam Atletico](#)
- 59m [Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini](#)
- 1h [Badan pemantau nuklear PBB 'sangat prihatin' tapak nuklear Iran](#)
- 1h [Bayern belasah Lazio](#)

WAKSIN



NASIONAL 9 jam yang lepas

[Perolehan vaksin hanya babitkan syarikat pengeluar, kerajaan Pusat](#)



NASIONAL 9 jam yang lepas

[Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ](#)



NASIONAL 11 jam yang lepas

[Sediakan pusat vaksin mega - KJ](#)

• **Perak dijangka terima 79,560 dos vaksin**

Turut dijadualkan menerima vaksin di klinik sama esok ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang wajahnya dikenali hampir seluruh rakyat Malaysia sebagai 'panglima' barisan hadapan negara dalam memerangi penularan virus korona.

Empat lagi petugas Kementerian Kesihatan turut tersenarai menerima vaksin itu di bawah program imunisasi berkenaan yang diawalkan dua hari berbanding jadual asal pada Jumaat ini, disebabkan penghantaran vaksin yang dibuat secara berjadual.

Sebanyak 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech dihantar ke Malaysia pada Ahad lalu dengan sebahagian diterbangkan ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sementara sebahagian lagi ke Johor.

Vaksin berkenaan dibawa dari Singapura yang menjadi hab pengagihan vaksin COVID-19 ke negara Asia Pasifik.

Turut diumumkan kumpulan kedua vaksin jenis sama, sebanyak 182,520 dos lagi, akan tiba di negara ini hari ini.

Penerima dos pertama vaksin perlu membuat janji temu untuk menerima dos kedua. Vaksin Pfizer-BioNTech perlu diambil dalam dua dos dalam tempoh 21 hari.

Sebelum proses vaksinasi dilakukan, Perdana Menteri dan mereka yang berkenaan akan diberikan taklimat khusus untuk penerima vaksin serta perlu menandatangani borang persetujuan.

Hari ini juga, Muhyiddin akan melancarkan program pendaftaran vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera bagi mempermudah pelaksanaan program imunisasi itu.

Pengguna telefon pintar Android dan iOS boleh mengemas kini aplikasi MySejahtera, menjawab beberapa soalan berhubung persetujuan dan mendapatkan borang untuk menerima vaksin.

Setakat ini, 571,802 anggota barisan hadapan mendaftar untuk mendapatkan pelalian itu dengan 57.3 peratus adalah petugas sektor perubatan dan kesihatan, sementara baki 42.7 peratus anggota sektor keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Penjara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Difahamkan kerajaan juga akan memilih sekumpulan guru, khususnya yang berisiko tinggi, serta wartawan untuk menjadi kelompok pertama penerima vaksin dalam program tiga fasa tersebut.


Fasa pertama dijadualkan bermula hari ini sehingga April, manakala fasa kedua dari April sehingga Ogos bagi warga emas berumur 60 tahun ke atas serta kumpulan rentan dengan masalah morbiditi, di samping orang kurang upaya (OKU), sementara fasa ketiga bermula Mei hingga Februari 2022 - untuk kumpulan berusia 18 tahun dan ke atas.



NASIONAL 12 jam yang lepas

KKM buat penilaian keperluan vaksin bekas pesakit COVID-19

NASIONAL Feb 23, 2021 @ 8:32pm



Perlis mula terima vaksin COVID-19 esok



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 6:43pm


Vaksin COVID-19 beri harapan pemulihan industri penerbangan

TRENDING



LAIN-LAIN (SUKAN) 24 minit yang lepas

Tiger Woods kemalangan kereta



KES 11 jam yang lepas

SPRM Perak cari Siti Aisyah



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 8:02pm

Lelaki bakal didakwa 67 pertuduhan kes rogol anak kandung, rakan mangsa



KES Feb 23, 2021 @ 5:35pm


Suami isteri curi susu formula bayi dicekup



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 5:16pm

Ada kumpulan tidak digalakkan ambil vaksin - NPRA





Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyaksikan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba melakukan demonstrasi penggunaan picagari khas Low Dead Volume (LDV) untuk kegunaan suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer BioNTech ketika meninjau kesiapsiagaan pusat pemberian vaksin (PPV) di Institut Kanser Negara (IKN) pada Isnin lalu. FOTO BERNAMA

Malaysia memperoleh 66.7 juta dos vaksin COVID-19 melalui Fasilitas COVAX daripada lima pengeluar. Vaksin berkenaan ialah Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Sinovac, CanSinoBio dan Sputnik V. - BERNAMA

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 1:13pm
Suntikan vaksin ambil masa 15 hingga 30 minit - Dr Adham



NASIONAL Feb 6, 2021 @ 3:39pm
Picagari khas untuk suntikan vaksin Pfizer-BioNTech



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 2:57pm
Malaysia bakal hasilkan picagari 'low dead-volume'



NASIONAL Feb 20, 2021 @ 3:43pm
Mengapa guna picagari low dead-volume untuk suntik vaksin COVID-19?

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home **Outbrain** |



[Pics] Most Hilarious Photoshop Edits Are Back!
TooCool2BeTrue



Malaysia - Latest news & coverage
CNA



How a carbon-neutral China could be a game-changer for the...
CNA - Money Mind




Why Everyone in Malaysia is Snapping Up This New Drone Over...
HyperDrone

[Watch More](#)






Investment Can Be a Pleasant Experience
Aluio



Actual Costs of A Stairlift In Petaling Jaya Could Surprise...
Stair Lift | Sponsored Li...



The Ultimate Guide to Starting a Digital Marketing Agen...
Chatfuel

[Learn More](#)



Myanmar's junta puts \$75bn at risk in the worst possible way
Nikkei Asia



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)